

PEMBANGUNAN AKHLAK DALAM FILEM MELAYU, DI BAWAH LINDUNGAN KAABAH KARYA HAMKA

Mohd Nazri Bin Abdullah

Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Malaysia

Email: mohdnazriabdullah@ymail.com

Nor Raudah Bt Hj Siren

Ph.D.(Rhetoric Of Writing), Department of Dakwah and Human Development,

Academy of Islamic Studies, University of Malaya, Malaysia

Email: raudah68@um.edu.my

Abstrak

Filem yang mengandungi pendidikan akhlak Islamiah mampu membawa penonton menghayati mesej dakwah yang disampaikan tanpa disedari. Ia juga dapat mewujudkan kesedaran dan sentuhan halus dari dalam hati. Setiap watak di dalamnya juga memainkan peranan penting kerana mempunyai kaitan yang kuat dengan masalah masyarakat dari impak kehidupan sebenar. Pengaruh media dalam mempengaruhi pegangan nilai akhlak, khususnya remaja banyak dipromosikan secara meluas melalui program-program hiburan yang mengasyikkan sama ada di Televisyen, pawagam mahupun di media baharu. Beberapa cara yang dapat digunakan untuk memperbaiki dan membentuk akhlak ialah dengan mendekati diri kepada Allah, sering berwaspada dan berhati-hati dalam setiap tindakan, tidak terdorong untuk melakukan akhlak yang keji, mampu menyelami maksud akidah Islamiah ke dalam jiwa dan merealisasikan tuntutan syariat dengan sempurna. Hal ini kerana akhlak mempunyai kaitan dengan konsep akidah dan syariat Islam. Oleh itu, kertas ini akan mengemukakan hasil analisis yang dilakukan ke atas filem *Di Bawah Lindungan Kaabah*, iaitu sebuah filem Melayu terbitan Indonesia. Kajian ini menggunakan analisis kualitatif dengan kaedah analisis kandungan terhadap filem yang dipilih menggunakan teori al-Ghazali. Hasil kajian mendapati bahawa dalam filem *Di Bawah Lindungan Kaabah* ini mengandungi banyak mesej pembangunan akhlak sebagaimana yang diajar oleh Islam. Oleh sebab itu, filem ini sesuai dijadikan sebagai panduan penulis skrip dan pengarah filem untuk menghasilkan sebuah filem Melayu Islam yang memiliki mesej pendidikan akhlak yang baik.

Kata kunci: Filem Melayu, akhlak Islamiah, Di Bawah Lindungan Kaabah.

PENGENALAN

Menurut bahasa, kata akhlak berasal dari bahasa Arab (اخلاق) bentuk jamak dari (خلق) yang biasa memberi makna tabiat, perangai, tingkah laku, kebiasaan bahkan agama¹. Kalimah tersebut mengandungi perkataan dengan kata (خالق) yang bererti kejadian yang erat hubungannya dengan pencipta dan kata (مخلوق) yang bererti yang diciptakan². Namun di dalam al-Qur'an kata (اخلاق) tidak ditemukan, yang ditemukan hanyalah bentuk mufradnya (خلق) saja,

Manakala pengertian akhlak menurut istilah ialah *khulk* (budi pekerti) atau akhlak ialah suatu kondisi atau sifat yang telah meresap dalam jiwa dan menjadi keperibadian hingga dari situ timbullah berbagai-bagai perbuatan dengan cara spontan dan mudah tanpa dibuat-buat dan tanpa memerlukan fikiran. Apabila timbul kelakuan yang baik dan terpuji menurut pandangan syari'at dan akal fikiran, maka ia dinamakan budi pekerti mulia dan sebaliknya apabila yang lahir kelakuan yang buruk, maka disebutlah budi pekerti yang tercela³. Perkataan "akhlak" sebenarnya berasal dari bahasa Arab, yang bererti budi pekerti, perangai, tingkah laku (tabiat) dan adat kebiasaan. Sebagaimana menurut Kamus Dewan (1992), akhlak didefinisikan sebagai budi pekerti, kelakuan, tabiat dan watak⁴.

Ibnu Maskawayh (1998) mengatakan bahawa akhlak adalah suatu keadaan jiwa. Keadaan ini menyebabkan jiwa bertindak tanpa difikir atau dipertimbangkan secara mendalam. Keadaan ini terbahagi menjadi dua jenis iaitu secara alaminya dan bertolak dari watak dan kedua, tercipta melalui kebiasaan dan latihan⁵. Muhammad Jamaludin Alqasimi Addimasyqi (1988) pula menjelaskan bahawa akhlak adalah suatu *haiat* atau bentuk dari suatu jiwa yang benar-benar telah meresap sehingga perbuatan-perbuatan yang spontan dan mudah, tanpa dibuat-buat dan tanpa memerlukan akal untuk berfikir atau angan-angan terhasil. Apabila dari *haiat* tadi timbul kelakuan-kelakuan yang baik, maka ia dinamakan budi pekerti yang baik. Sebaliknya apabila yang timbul ialah kelakuan-kelakuan yang buruk, maka ia dinamakan budi pekerti yang buruk pula⁶.

¹ Achmad Warson Munawwir dan Muhammmad Fairus, Al-Munawwir Kamus IndonesiaArab, (Surabaya: Pustaka Progressif, 2007), hlm. 21

² Hamzah Ja' cub, Etika Islam, (Jakarta: CV. Publika, 1978), hlm. 11

³ Asmaran As, Pengantar Studi Akhlak, cet. II, (Jakarta: PT. Raja Gafindo Persada, 1994), hlm. 3

⁴ Sheikh Othman bin Sheikh Salim (ed.) (1992). Kamus Dewan. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka. h.19.

⁵ Ibn Maskawaih, Menuju Kesempurnaan Akhlak, terj. Helmi Hidayat, (Bandung: Mizan, 1998), hlm. 56.

⁶ Muhammad Jamaludin Alqasimi Addimasyqi, Bimbingan Untuk Mencapai Tingkat Mu'min, (Bandung: CV. Diponegoro, 1988), hlm. 505

Mohd Nasir Ripin dan Zulkiflee Haran (2005) pula mendefinisikan akhlak sebagai tabiat atau maruah, iaitu disebut juga sebagai moral dan etika. Ia merupakan sains yang mengkaji keadaan dalaman seseorang yang menjadi pendorong untuk melahirkan tingkah laku luaran atau dengan kata lain, gambaran batin atau keimanan seseorang⁷. Ibn Miskawayh menegaskan lagi, akhlak juga bermaksud sebagai sifat yang tertanam dalam jiwa, dengannya lahir macam-macam perbuatan, baik atau buruk tanpa memerlukan pertimbangan⁸.

KONSEP FILEM ISLAM

Filem Islam bukan bermaksud filem yang bercorakan Islam, kerana kedua-dua istilah ini adalah berbeza.⁹ Filem bercorak Islam adalah satu rangkai kata yang merujuk kepada sesebuah filem yang diterbitkan dan di dalamnya mengandungi beberapa unsur yang selari dan sesuai dengan Islam.¹⁰ Manakala filem Islam pula merupakan satu term dan konsep yang memerlukan kupasan sama ada daripada aspek cirinya, luaran, dalam serta konsep-konsep lain yang berkaitan dengannya.¹¹

Profesor Dr. Naim Haji Ahmad mendefinisikan filem Islam sebagai hasil daripada garapan inti-inti pelbagai pembicaraan tentang seni dalam Islam itu.¹² Maka filem Islam dapat diungkapkan sebagai sesebuah hasil seni, berbentuk produk halal, dihasilkan bermula dengan niat baik melalui proses pra penerbitan, penerbitan dan pasca penerbitan dengan pengisian dan garapan bersandarkan kod etika dan nilai Islam sehinggalah kepada proses edaran, tayangan dan tontonan khalayak bertujuan menyebarkan dakwah, menerapkan nilai murni dan menegakkan *amar ma'aruf nahi mungkar*.¹³

Manakala bagi Abdul Ghani Samsudin pula, beliau mentakrifkan filem Islam sebagai filem yang menemukan kefahaman-kefahaman Islam dengan Allah, alam semesta, kehidupan dan manusia sebagai pertemuan yang

⁷ Mohd Nasir Ripin dan Zulkiflee Haran (2005). "Konsep Tamadun Islam" dalam Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Skudai, Johar: Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia. h.49.

⁸ Ibn Miskawayh w. 421/1030, al-Tusi w.672/1274, al-Dawwani w. 908/1502, Al-Ghazali (t.th), The Encyclopedia of Islam (1960), al-Mu'jam al-Wasit (1972), Hamzah (1983), Mohd Nasir (1986), Amin (t.th), Asmara (1992), Tajul Ariffin (1997), Ab. Halim (2000), Saedah (2003), Zaharah (2005) dan al-Habsyi (t.th).

⁹ Naim Ahmad (2010), *Op. Cit.*, hlm. 1.

¹⁰ *Ibid.*

¹¹ *Ibid.*

¹² *Ibid.*, hlm. 2.

¹³ *Ibid.*

menyeluruh dan sebagainya, yang hanya terhad kepada sifat-sifat keislamannya.¹⁴

Jika dilihat dari takrif filem Islam di atas sedikit sebanyak sudah pun terdapat filem-filem yang hampir memenuhi pentakrifan filem Islam ini.¹⁵ Ini menunjukkan bahawa filem Islam telah pun wujud meskipun dalam bentuknya yang terlalu sederhana dan amat terhad.¹⁶ Walaubagaimanapun filem-filem ini masih memerlukan banyak pengubahsuaian agar menjadi filem Islam yang sepenuhnya.¹⁷

Menurut Muhammad Qutb : “adapun filem itu pada hemat saya ia merupakan suatu seni yang asing dari seni Islam, bukan disebabkan zatnya haram, tetapi dari segi kandungannya kini terdedah dan menyeleweng jauh dari suasana Islam. Bagaimanapun, seperti juga seni-seni yang lain ianya boleh menjadi Islam apabila sesuai dengan Islam”¹⁸

Menurut pengkritik filem Jordan, Hasan Abu Ghanimah di dalam akhbar “*Muqaddimat Awwliyyah Li al Bahth fi al Sinema al Islamiyyah*” yang dikeluarkan secara bersiri : “filem seperti seni-seni lain, bahkan seperti seni-seni yang penyebarannya lebih luas dan berkesan, semestinya memainkan peranan dalam penerapan kefahaman Islam dan tamadunya”¹⁹

Jalal al Sharqawi dalam bukunya, *al Sinema* (1989) menyatakan : “sesungguhnya segala kesenian itu dapat melakukan sesuatu yang tidak dapat dilakukan oleh sekolah-sekolah, bahkan universiti-universiti, iaitu wasilah yang betul. Bagi seni Islam dan cintakannya, dan ini adalah sama di kalangan orang yang berpengetahuan dan yang buta huruf. Sesungguhnya filem itu merupakan bahasa seni paling senang dicapai dan dihujjah atau bukti yang terikat untuk meyakinkan. Oleh itu filem dengan sifatnya yang dikehendakki oleh Islam, ia pada dasarnya dapat membantu Islam meneruskan dakwahnya”²⁰

Yusuf al Qardawi menjelaskan tentang peranan panggung wayang dari perspektif Islam, sistem pemerintahan Islam tidaklah menghalang pembinaan panggung wayang. Akan tetapi ia menggariskan beberapa syarat antaranya ialah :²¹ Kadarnya haruslah munasabah dengan masyarakat yang menggalakkan

¹⁴ Abdul Ghani Samsudin, Ishak Sulaiman & Engku Ibrahim Ismail (2001), *Op. Cit.*, hlm. 78-79.

¹⁵ *Ibid.*, hlm. 79.

¹⁶ *Ibid.*

¹⁷ *Ibid.*

¹⁸ Muhammad Qutb (1989), Jadda' M. Walid, *Al Mawqif Min sinema islamiyyah*, Cairo : dar al Wafa' Li al Tiba'ah Wa al Nasyr Wa al Tawzi', hlm. 136

¹⁹ *Ibid.*, hlm. 14-15

²⁰ *Ibid.*, hlm. 15-16

²¹ Al Qardawi Yusuf (1988), *Bayyinat al Hal al Islamiy*, Kaherah ; Maktabah Wahbah, hlm.

keprihatinan, bukan masyarakat yang lalai dan leka, panggung wayang tersebut janganlah menjadi tempat mengorbarkan syahwat, merosak dan menghakis akhlak belia ataupun meracuni akal mereka dengan idea-idea asing yang bertentangan dengan akidah dan pegangan ummah. Lantaran itu, hendaklah dipilih filem yang sesuai untuk ditayangkan. Perlu juga diarahkan penulis skrip, pengarah serta penerbit filem agar menerbitkan filem yang baik sama ada filem bimbingan atau hiburan, waktu-waktu tayangan hendaklah tidak bercanggah dengan waktu sembahyang agar masyarakat tidak menanggung dosa kerana kecuaiannya individu-individunya meninggalkan solat, panggung wayang tidak boleh menjadi tempat untuk pasangan muda mudi memadu kasih secara haram serta berleluasa menginjak batasan syarak, janganlah panggung wayang menjadi institusi yang membolot harta rakyat kerana dimonopoli oleh sesetengah pihak dan mereka menjual tiket-tiket dengan harga yang mahal tanpa ada pengawasan daripada pihak bertanggungjawab.

METOD PEMBANGUNAN AKHLAK MENURUT AL-GHAZALI

Imam al-Ghazali merujuk akhlak kepada semua sifat yang ada dalam hati yang akan melahirkan pengaruhnya kepada anggota badan. Beliau mengaitkan pembentukan akhlak dengan kepentingan pendidikan dalam Islam yang mana tujuan pendidikan adalah untuk mendekatkan diri kepada Allah, bukan untuk mendapatkan pangkat dan bermegah-megah. Oleh itu pendidikan tidak terkeluar daripada bertujuan untuk pembentukan akhlak seseorang individu. Pendapat ini kemudiannya telah disokong oleh Prof. Dr. M. Athiyah Al-Abrasyi yang menegaskan bahawa pendidikan budi pekerti adalah jiwa daripada Pendidikan Islam, Islam telah menyimpulkan bahawa pendidikan budi pekerti dan akhlak adalah jiwa pendidikan dalam Islam untuk mencapai satu pembentukan akhlak individu yang sempurna²². Menurut Al-Ghazali akhlak ialah sifat yang melekat dalam jiwa seseorang yang menjadikan ia dengan mudah bertindak tanpa banyak pertimbangan, iaitu sesuatu yang sudah menjadi kebiasaan. Orang yang pemurah sudah biasa memberi, ia memberi tanpa banyak pertimbangan lagi, seolah-olah tangannya sudah terbuka lebar untuk itu. Orang kedekut, seolah-olah tangannya sudah terpaku dalam poketnya, tidak ingin keluar menghulurkan bantuan kepada fakir miskin. Begitu juga orang pemaarah, selalu saja marah tanpa ada alasan. Pengertian akhlak tersebut senada dengan ungkapan bahawa akhlak adalah suatu sifat yang terpendam dalam jiwa seseorang dan sifat itu akan timbul waktu ia bertindak tanpa merasa sulit, atau timbul dengan mudah²³.

²² Al-Quran, Surah al-Qashah: Ayat 55.

²³ Bakry, Oemar, Akhlak Muslim, (Bandung: Angkasa, 1993)

Abdul Karim Zaydan, menjelaskan bahawa akhlak memberi pengaruh yang sangat besar dalam membentuk perbuatan manusia. Tindak tanduk manusia pula bertepatan dengan pembawaan dan sifat yang ada dalam jiwa dan hati mereka²⁴. Manakala Asming Yalawae, berpendapat bahawa Nabi Muhammad SAW bukan hanya diturunkan untuk menyeru umat manusia agar mereka mengabdikan diri kepada Allah SWT malah, baginda turut diutuskan sebagai penyelamat umat dalam memperbaiki akhlak-akhlak buruk yang merosakkan. Natijah pengutusan baginda menunjukkan bahawa akhlak merupakan satu perkara yang sangat penting dalam kehidupan manusia bahkan kemuliaan dan penghormatan pada satu-satu bangsa juga bergantung pada akhlak ahlinya²⁵. Abd Karim Zaydan juga telah menggariskan beberapa cara yang dapat digunakan untuk memperbaiki dan membentuk akhlak yang mulia. Antaranya ialah dengan menguasai ilmu pengetahuan agar mampu mengetahui konsep akhlak dengan baik. Kaedah ini dilakukan agar manusia dapat mendekati diri pada Allah, sering berwaspada dan berhati-hati dalam setiap tindakan, tidak terdorong untuk melakukan akhlak yang keji dan mampu menyelami maksud akidah Islamiah ke dalam jiwa dan merealisasikan tuntutan syariat dengan sempurna kerana akhlak mempunyai kaitan dengan konsep akidah dan syariat Islam.²⁶

Konsep akhlak Islam tidaklah bersandarkan pada konsep ibadat atau yang berkaitan dengan tingkahlaku dan pergaulan dengan masyarakat sahaja. Bahkan ruang lingkup akhlak Islam itu jauh lebih syumul dan merangkumi kedua-duanya. Ia melibatkan ruhaniyyah, jasmaniyyah, agama, dunia, akal, perasaan, peribadi dan masyarakat. Kesemuanya ini telah digariskan sebagai kaedah dan cara hidup yang mulia²⁷. Akhlak memberi petunjuk tentang hubungan manusia dalam kehidupan, menjadi pengukur tercapainya tujuan hidup. Kebahagiaan yang ingin dicapai dengan landasan akidah dan dengan menjalankan syari'at, hanya dapat diperoleh dengan adanya akhlak yang baik. Keimanan yang hanya semata berbentuk pengetahuan akan keesaan Allah, ibadat yang hanya semata-mata berupa sikap dan gerak-geri, tata tertib yang hanya dalam bentuk undang-undang dan hukum-hukum yang tersimpan dalam

²⁴ Zaydan, Abd Karim (1980), *Dasr-dasar Ilmu Dakwah* (terj. Asywadi Syukur). Jakarta ; Media Dakwah, h. 99

²⁵ Yalawae, Asming (2007), "Akhlak Warisan Rasulullah SAW Membawa Kemuliaan Umat", *Jurnal Usuluddin*, bil. 26, Kuala Lumpur ; Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya. H. 74

²⁶ Zaydan, Abd Karim (1980), *op. cit.*, h. 132-144

²⁷ Muhammad yusuf Qardhawi (1983), *Islam Dakwah yang Syumul* (terj. Mohd Rivai Batubara). ABIM : Angkatan belia Islam Malaysia, <http://www.muslimdiary.com/downloads/islam%20da'wah%20yg%20syumul.pdf>. Di ambil 6 Jan 2014

dada, sesuatu kenikmatan hidup yang hanya berbentuk kenikmatan, pandangan manusia kepada alam yang hanya tertuju kepada hal-hal lahiriah semata, tidak akan mewujudkan tujuan hidup yang hakiki, tanpa terbinanya akhlak dalam seluruh dimensinya²⁸.

Ilmu akhlak adalah ilmu yang menentukan batas antara baik dan buruk, antara yang terpuji dan yang tercela, tentang perkataan atau perbuatan manusia lahir batin. Ilmu akhlak adalah ilmu pengetahuan yang memberikan pengertian tentang baik dan buruk, ilmu yang mengajarkan pergaulan manusia dan menyatakan tujuan mereka yang terakhir dari seluruh usaha dan pekerjaan mereka²⁹.

Sehubungan demikian, maka metod yang sesuai dengan pembelajaran akhlak adalah metod pertama ialah metod keteladanan iaitu melakukan proses identifikasi, meniru dan memeragakan, metod kedua ialah metod pembiasaan, iaitu mewujudkan kepentingan akhlak dalam sikap, prilaku dan karakter kehidupan sehari-hari, metod ketiga ialah metod nasihat, iaitu memberi motivasi dengan ungkapan yang merangsang dan mendorong dalam perbuatan, metod keempat ialah metod zikir, doa dan tafakur agar terjadi proses perubahan nilai-nilai hidup mulia pada hati nurani³⁰.

Berdasarkan definisi di atas dapat difahami bahwa akhlak adalah ketentuan dari beberapa keinginan manusia, sedang kebiasaan merupakan perbuatan yang diulang-ulang sehingga mudah melakukannya, Masing-masing dari kehendak dan kebiasaan ini mempunyai kekuatan, dan gabungan dari kekuatan itu menimbulkan kekuatan yang lebih besar. Kekuatan besar inilah yang bernama akhlak. Jika diperhatikan dengan teliti, jelas menunjukkan bahawa seluruh definisi akhlak sebagaimana tersebut di atas tidak ada yang saling bertentangan, melainkan saling melengkapi, iaitu sifat yang tertanam kuat dalam jiwa yang nampak dalam perbuatan lahiriah yang dilakukan dengan mudah, tanpa memerlukan pemikiran lagi dan sudah menjadi kebiasaan.


Al Ghazali telah mengemukakan empat (4) metode pembangunan akhlak yang bersifat komprehensif menggabungkan elemen internal dan external³¹. Metode tersebut ialah :

²⁸ Syaltout, Mahmoud, Al-Islam 'Aqidah wa Syari'ah, terj. Bustami A Gani, Islam sebagai 'Aqidah dan Syari'ah, Jilid IV, (Jakarta: Bulan Bintang, 1970)

²⁹ Ya'qub, Hamzah, Etika Islam, Pembinaan Akhlaqul Karimah, (Bandung: Diponegoro, 1985)

³⁰ Mursidin, Akhlak Mulia Berbasis Pendidikan Agama Islam, Penguatan Pendidikan Karakter dan Budi Pekerti di Sekolah, Madrasah, dan Keluarga, (Bandung: Insan Mandiri, 2012)

³¹ Wan Yusnee Binti Abdullah1, Hajar bin Opir, Siti Amalina binti Ahmad Khairundin, Model Pembangunan Akhlak Oleh Intelektual Islam, National Pre University Seminar 2017 (NpreUS2017) RHR Hotel, 23 Ogos 2017, Universiti Selangor (UNISEL)



Rajah : Model Pembangunan Akhlak Oleh Intelektual Islam, National Pre University Seminar 2017, Universiti Selangor (UNISEL) - Wan Yusnee Binti Abdullah1, Hajar bin Opir, Siti Amalina binti Ahmad Khairundin

a) **Tazkiyyah al-Nafs**

Dalam metod pertama beliau meletakkan tazkiyyah al-nafs iaitu pembersihan jiwa sebagai kunci pertama dan utama bagi membentuk akhlak yang terpuji. Hati manusia ibarat raja di dalam badan dan anggota lain umpama tentera yang akan menerima arahan bagi melakukan tindakan. Jika hati seseorang itu bersih maka sudah tentu ia akan memberi arahan yang baik untuk dilakukan. Jika tidak maka arahan tersebut akan dikuasai unsur negatif maka tindakan anggota adalah bersifat keburukan³².

Oleh sebab itulah beliau memandang serius perkara ini dan perlunya jiwa itu dibersihkan terlebih dahulu kerana ia akan membentuk asas yang kukuh kepada metode seterusnya. Justeru, dalam konteks ini segala unsur negatif seperti sifat marah, syahwat dan emosi perlu dikawal dan dikekang agar ia akan mengikut petunjuk ilahi bukan menjerumuskan manusia ke lembah kehinaan. Di samping itu, perlunya menyuburkan jiwa dengan sifat sabar, taubat, amanah, bertanggungjawab, berfikiran luas, hikmah, tawaduk, ikhlas, cintakan Allah SWT dan sebagainya. Dengan erti kata lain membuang sifat keji (mazmumah) dan menghiasi diri dengan sifat terpuji (mahmudah).

Perkataan “tazkiyah” dari sudut bahasa membawa beberapa maksud yang berkaitan antara satu sama lain, iaitu: tumbuh, pertambahan, percambahan, naik taraf dan perkembangan. Ia juga boleh membawa maksud disiplin, pembentukan, baik pulih, pembersihan dan penyucian. Bahkan ia

³² Ibid, p. 170

boleh bermaksud pujian³³. Adapun perkataan al-nafs dari sudut bahasa mempunyai makna yang kompleks untuk dibincangkan sehingga al-Ghazali³⁴ memperakui bahawa terlalu sedikit di kalangan ulama terkemuka yang mendalam pengetahuan mereka tentang istilah ini dan yang berkaitan dengannya. Ibnu Manzur dalam *Lisan al-Arab* menjelaskan bahawa al-nafsmembawa maksud roh, jasad, darah, saudara, dan di sisi. Beliau juga menaqqalkan kata-kata Ibnu Abbas bahawa bagi setiap manusia ada padanya dua al-nafs(nafsan): nafs al-aqlyang fungsinya ialah membezakan (al-tamyiz), dan nafs al-ruhyang fungsinya ialah memberi nyawa (al-hayah). Muhammad Khayr Fatimah³⁵ pula dalam kajiannya mendapati al-nafs mempunyai pelbagai makna yang boleh disimpulkan dalam dua kategori. Yang pertama ialah al-nafs al-kubra (yang besar) yang merupakan zat seseorang manusia secara menyeluruh. Yang kedua pula ialah al-nafs al-sughra (yang kecil). Yakni sesuatu yang terdapat dalam diri manusia yang menggabungkan banyak sifat dan ciri-ciri yang diterjemahkan dalam bentuk perbuatan.

Saad Riyadh (2007) dalam kajiannya terhadap rangkaian hadith Rasulullah SAW menemukan bahawa penggunaan kata al-nafs ini dirujuk kepada emosi (wijdan), perilaku (suluk), perasaan (shu'ur), mahupun sensasi (ihsas) yang mana semua ini menunjukkan kepada suatu lintasan yang terdetik atau bergejolak di dalam diri manusia yang selanjutnya diterjemahkan ke dalam tingkah laku. Menurutnya al-nafs juga boleh bermaksud sebagai zat atau esensi. Iaitu unsur pokok dalam melakukan sesuatu adalah untuk dirinya. Ia mendorong manusia untuk berusaha mencapai keinginan-keinginan yang ada dalam dirinya. Seterusnya, kata al-nafs juga diguna pakai bagi merujuk kepada roh manusia, iaitu suatu unsur yang mesti ada pada seseorang manusia atau makhluk untuk hidup. Sekiranya roh ini sudah tiada dalam diri manusia, maka ketika itu dia sudah mati.

Said Hawa³⁶ mendefinisikan tazkiyah al-nafs secara istilah sebagai pembersihan (tatahhur) daripada penyakit dan kerosakan lalu mencapai/merealisasikan (tahaqquq) tahap-tahap kesucian (maqamat), seterusnya ialah tahap pembentukan sifat (takhalluq), iaitu dengan sifat-sifat terpuji. Beliau juga memperincikan dengan pernyataan bahawa ianya adalah perbuatan membersihkan diri daripada kekotoran, daripada kemahuannya dan syahwatnya yang buruk, dari sifat kebinatangannya, daripada pergolakan dalamannya, serta membersihkannya dari segala bentuk kegelapan.

³³ Muhammad Khayr Fatimah. *Manhaj al-Islam fi Tazkiyah al-Nafs*. Beirut: Dar al-Khayr, 2003.

³⁴ al-Ghazali, Abu Hamid. *Ihya` 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Ma'rifah, 1998.

³⁵ Muhammad Khayr Fatimah. *Manhaj al-Islam fi Tazkiyah al-Nafs*. Beirut: Dar al-Khayr, 2003.

³⁶ Hawwa, Sa'id. *al-Mustakhlis fi Tazkiyah al-Anfus*. Dar al-Salam: Kaherah, 1988

Abu al-Hasan al-Nadawi³⁷ pula berkata: “adalah patut kita menamakan ilmu yang berkenaan penyucian jiwa, yang mendisiplin dan menghiasinya dengan tuntutan syariat, yang mengosongkannya dari sifat dan sikap yang jahat, yang mengajak kepada kesempurnaan iman dan dalam mendapatkan darjat ihsan, juga berakhlak dengan akhlak kenabian, yang mengikut cara Rasulullah SAW pada sifat dalamannya, dan perihal imannya, adalah patut kita dan seluruh orang Islam menamakannya sebagai tazkiyah, atau ihsan, atau fiqh al-batin.

Menurut Zakaria Stapa tazkiyyah al-nafs ini merupakan satu proses pendidikan sepanjang hayat untuk mengesahkan bahawa potensi takwa mampu sentiasa menang dan mengatasi potensi negatif iaitu fujur. Hasilnya seseorang itu akan menghayati syariat, menjaga dan mempertahankan takwa dalam segenap kehidupannya³⁸. Dalam konteks ini skop tazkiyah merangkumi dua dimensi iaitu pertama taklif suruhan dan kedua taklif larangan. Taklif suruhan adalah semua amalan soleh yang dapat memberi kesan secara langsung dalam usaha pembersihan jiwa seperti solat, puasa, tilawah al-Qur’an, zikir, tafakur, mengingati mati, koreksi diri (muhasabah), mendekati diri kepada Allah SWT (muraqabah), melawan hawa nafsu (mujahadah), menyuruh kebaikan (amar ma’ruf) dan menegah kemungkaran (nahi mungkar), tawaduk dan rendah diri. Semua ini mestilah dilakukan sehingga ke peringkat ehsan. Manakala taklif larangan adalah proses pencegahan yang bersangkutan dengan tujuh anggota lahir manusia iaitu mata, telinga, lidah, perut, organ seks, tangan dan kaki. Ia perlulah dibersihkan daripada perlakuan yang bertentangan dengan syariat Islam.

Tazkiyahal-nafs adalah suatu penekanan terhadap aspek kerohanian dengan kaedah latihan ibadah seperti solat, zikir, fikir, membaca al-Quran, qiyam al-layl dan sebagainya. Metode ini adalah satu kaedah kecerdasan spiritual dan penerapan akhlak melalui strategi atau proses membuangkakhlak mazmumah dalam jiwa (al-takhalli) dan seterusnya menggantikannya dengan akhlak mahmudah (al-tahalli). Ianya adalah proses memurnikan jiwa dengan memahami konflik dalam diri dan seterusnya mendidik hati. Pelaksanaan tazkiyahal-nafs secara konsisten dapat memberi kesan positif kepada diri seseorang dan memberi kesan pemulihan kepada dirinya³⁹.

Beberapa contoh Tazkiyatul Nafs dalam filem karya Hamka iaitu Dibawah Lindungan Kaabah adalah seperti berikut :

³⁷ al-Nadawi, Abu al-Hasan. *Rabbaniyyah La Rahbaniyyah*. Mansurah: Dar al-Kalimah, 2000.

³⁸ Zakaria Stapa. (1999). *Akidah dan Akhlak dalam kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.

³⁹ Masyuri. Prinsip-prinsip Tazkiyah al-Nafs dalam Islam dan Hubungannya dengan Kesihatan Mental. *Jurnal Pemikiran Islam*(2012) 37,2: 95-102



Gambar 1 : Adegan dalam filem yang menggambarkan tentang pembersihan jiwa sebagai kunci pertama dan utama bagi membentuk akhlak yang terpuji.

Beberapa shot filem ini menunjukkan makna moral yang positif, hal ini ditunjukkan dalam sikap dan perilaku seseorang yang selalu taat pada setiap aturan dan kaedah yang berlaku baik dalam agama, masyarakat dan keluarga. Ertinya bahawa kelangsungan hidup manusia berlangsung dalam suasana saling bantu membantu dan bekerjasama dalam pelbagai aspek kehidupan.. Untuk itu manusia dituntut agar saling bekerjasama, saling menghormati, tidak mengganggu hak orang lain, toleransi dalam hidup bermasyarakat. Sifat toleransi atau bertolak ansur mampu bekerjasama, saling menghormati, tidak mengganggu hak orang lain adalah menyangkut penghargaan diri, tanda keterbukaan hati dan kebesaran jiwa.

Gambar-gambar diatas menjelaskan tentang pembangunan akhlak dalam watak-watak utama dalam filem *Dibawah Lindungan Kaabah*.

Gambar pertama menjelaskan tentang bagaimana masyarakat kampung menangani masalah amar maaruf dan nahi mungkar yang berlaku. Apabila berlakunya tindakan Hamis yang diluar batasan social masyarakat desa yang amat teguh pegangan agama menentang dan menolak perbuatan

yang dilakukan oleh Hamid walaupun niatnya hanya untuk membantu Zainab. Untuk itu Hamid dipanggil untuk mengadap pengadilan yang dilakukan di sebuah masjid.

Gambar kedua menjelaskan betapa Zainab menjaga perasaan hormat dan sayang kepada ibunya meskipun impian ibunya untuk menjodohkan Zainab dengan pemuda lain telah menyebabkan hidupnya menderita. Zainab sanggup berkorban mempertahankan cintanya kepada Hamid meskipun dihalang oleh ibunya sendiri. Namun Zainab tidak pernah berkasar atau melawan ibunya. Malah menerima ketentuan dengan redha dan menyerahkannya kepada ketentuan Illahi.

Manakala gambar ketiga pula menjelaskan bagaimana perhubungan antara Zainab dan Hamid walaupun mereka masing-masing menyimpan perasaan antara satu sama lain, namun mereka tetap menjaga tatasusila dan adab perhubungan antara lelaki dan perempuan.

Gambar keempat pula menceritakan tentang bagaimana penyerahan cinta suci Hamid kepada Allah taala mengatasi cintanya kepada makhluk. Hamid percaya bahawa sekiranya hubungan cinta dengan penciptanya dijaga dan dipupuk pasti hubungan cintanya dengan sesame makhluk juga akan direstui walaupun tidak dapat bersama didunia. Antara dialog dilafazkan oleh Hamis ketika berada dihadapan Baitillah :

" Ya Rabbi, ya Tuhanku, Yang Maha Pengasih dan Penyayang, di bawah lindungan Ka`bah, rumah Engkau yang suci dan terpilih ini, saya menadahkan tangan memohon kurnia. Kepada siapa lagi yang saya akan pergi memohon ampun, kalau bukan Engkau ya Tuhanku! Tidak ada suatu tali pun tempat saya bergantung, lain daripada tali Engkau, tidak ada pintu yang akan saya tutup, lain daripada pintu Engkau. Berilah kelapangan jalan buat saya, saya hendak pulang ke hasrat Engkau; saya menuruti orang-orang yang dahulu daripada saya, orang-orang yang bertali hidupnya dengan hidup saya. Ya Rabbi, Engkaulah Yang Maha Kuasa, kepada Engkaulah kami sekalian akan kembali....."

Hamka mencuba, mengajak pembaca untuk melihat sifat-sifat tasawuf yang dipamerkan pada watak ini. Kebahagiaan yang diceritakan ternyata tercermin dalam diri Hamid.

"Dahulu, kalau disebut orang di dekat saya untung dan bahagia, tidak lain yang terlintas dalam fikiran saya dari rumah yang indah, gedung yang permai, wang berbilang, emas bertahil, cukup dengan kenderaan dan kehormatan, dijunjung orang ke mana pergi. Sekarang saya insaf, bahawa semua itu bukan untung bahagia. Untung bahagia sejati ialah jika tahu, bahawa kita bukan hidup terbuang di dalam dunia ini, tetapi ada orang yang mencintai kita...sekarang barulah saya tahu bahawa diri saya ada

harganya buat hidup, sebab ada orang yang mencintai saya, iaitu orang yang saya cintai!”

Jelas sekali bahawa Hamid merasa bahagia, kerana mengetahui bahawa Zainab begitu mencintainya, itulah kebahagiaan yang dirasakan oleh Hamid dalam filem *Di Bawah Lindungan Kaabah*. Walaupun cinta mereka tidak pernah menyatu. Tetapi saling mengetahui bahawa mereka saling mencintai itulah erti sebuah kebahagiaan yang sejati.

b) Mujahadah

Mujahadah bermaksud melawan hawa nafsu. Ia merupakan kesinambungan kepada metode sebelum ini dan sangat penting. Fokus metode ini adalah melawan semaksimum mungkin sifat mazmumah agar ia menjadi stabil dan dapat diarahkan kepada pembinaan peribadi yang luhur. Sifat mazmumah tidak boleh dibuang daripada hati manusia kerana ia kurniaan dari Allah SWT yang membezakan manusia dengan haiwan. Namun dalam hal ini beliau memberi perhatian yang sangat mendalam untuk melakukan mujahadah yang berterusan berasaskan kekuatan jiwa yang jitu untuk menghadapi sifat mazmumah tersebut berdasarkan kepada keluasan ilmu pengetahuan dan pengendalian yang berhikmah serta tahap kesabaran yang tinggi.

Mujahadah ialah satu cara melawan nafsu sehingga mampu menghapuskan sifat tercela secara beransur-ansur dan seterusnya menggantikannya dengan sifat baik. Mujahadah turut disamakan dengan proses riyadah al-nafs cuma bezanya peringkat mujahadah lebih kepada proses takhallidan riyadah al-nafs merujuk kepada fasa tahalli. Takhalli ialah proses mengosongkan atau menyingkirkan nilai atau sifat tercela manakala tahalli ialah proses menghiasi diri dengan sifat mulia dan baik⁴⁰.

Proses mujahadah turut dirujuk sebagai proses individu berusaha memerangi unsur yang boleh merosakkan jiwanya. Unsur yang boleh merosakkan jiwa sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini iaitu nafsu dan bisikan syaitan. Nafsu dan bisikan syaitan dapat menjerumuskan individu dalam keduniaan serta jauh daripada ketaatan kepada Allah s.w.t⁴¹.

Islam telah menunjukkan kepada kita beberapa jalan yang boleh menyampaikan kita kepada taqwa. Salah satu jalan ialah dengan kita bermujahadah. Mujahadah ialah jalan untuk kita mendapat petunjuk daripada Allah agar petunjuk itu masuk ke dalam hati kita. Maksudnya, untuk mendapat

⁴⁰ Salasia Hanin Hamjah. (2016). Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut Al-Ghazali. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka

⁴¹ Norfadilah Abdul Rahman dan Zakaria Stapa. (2014). Pembangunan kerohanian berasaskan al-Muhasibi dalam menangani gejala sosial masa kini. Kertas kerja yang dibentangkan di International Conference on World Conference of Integration Knowledge (WCIK2014) pada 15 –16 September 2014 di Bandung, Indonesia

dan memperoleh hidayah daripada Allah swt maka perlu kepada bermujahadah. Mujahadah juga merupakan jalan untuk kita menambahkan petunjuk. Setelah kita mendapat petunjuk, kita hendaklah meningkatkan dan menambahkan lagi hidayah daripada Allah swt iaitu dengan cara kita mempertingkat mujahadah⁴².

Hidayah Allah merupakan muqaddimah kepada taqwa. Apabila seseorang itu mendapat hidayah daripada Allah hasil daripada bermujahadahnya maka hidayah ataupun petunjuk yang diperolehinya itu adalah merupakan muqaddimah kepada taqwa. Muqaddimah untuk dia menjadi seorang yang *muttaqin* (yakni orang yang benar-benar bertaqwa kepada Allah). Ini bermakna taqwa itu diperolehi hasil daripada anugerah hidayah yang diberikan oleh Allah kepada orang yang bermujahadah. Taqwa bukan boleh kita buat-buat (lakonkan) dalam jiwa kita tetapi ia mestilah dengan hidayah daripada Allah. Ini bererti seseorang itu tidak boleh menjadi orang yang bertaqwa dengan akal fikirannya sendiri. Dia tidak boleh berubah menjadi orang yang baik dengan menggunakan akal fikiran sahaja, sebaliknya dia mestilah mendapat hidayah (petunjuk) daripada Allah dengan jalan-jalan bermujahadah sebagaimana yang disyariatkan oleh Allah dan yang diajarkan oleh Islam kepada kita melalui Rasulullah SAW. Firman Allah:

وَالَّذِينَ جَاهَدُوا فِينَا لَنَهْدِيَنَّهُمْ سُبُلَنَا ۗ وَإِنَّ اللَّهَ لَمَعَ الْمُحْسِنِينَ

Terjemahan : Dan orang-orang yang berjihad untuk (mencari keridhaan) kami, benar-benar akan kami tunjukkan kepada mereka jalan-jalan kami. dan Sesungguhnya Allah benar-benar beserta orang-orang yang berbuat baik.

(Surah al-‘Ankabut : 69)

Ini merupakan janji-janji Allah kepada mereka yang bermujahadah. Allah swt akan memberikan kepada mereka hidayah. Sesungguhnya Allah swt tidak pernah memungkiri janji-Nya. Sesungguhnya Allah benar-benar akan beserta dengan orang yang berbuat baik (*muhsinin*). Setelah mendapat hidayah daripada Allah swt maka bermulalah kita menjadi seorang yang bertaqwa kepada Allah Subhanahuwata’ala. Barulah kita menuju ke arah kehidupan orang yang disebut sebagai *Al-Muttaqin* iaitu yang bertaqwa kepada Allah swt. Jika sekiranya kita tidak mendapat hidayah daripada Allah swt maka ke arah menjadi orang yang bertaqwa itu tidak akan wujud. Jadi, kalau kita berusaha sekuat mana sekalipun, kalau tidak mendapat hidayah daripada Allah swt, maka tidak akan ada muqaddimah, tidak akan ada permulaan ataupun titik-tolak untuk menjadi seorang manusia yang bertaqwa di sisi Allah swt.

Didalam filem Dibawah Lindungan Kaabah, terdapat beberapa adegan yang menjelaskan tentang mujahadah ini. Antaranya ialah situasi masyarakat

⁴² <https://dakwahdantarbiah.com/mujahadah/22> Mac 2019

kampung sama-sama berusaha untuk menangani sesuatu isu yang melanggar hukum syarie.



Gambar 2 : Adegan dalam gambar di atas adalah salah satu adegan dalam filem yang menggambarkan bagaimana masyarakat berusaha untuk menghalang perbuatan yang negatif berlaku di kalangan masyarakat.

Beberapa shot ini menampilkan bagaimana masyarakat desa sama-sama bermujahadah atau sama-sama berusaha untuk menegakkan keadilan dan menghapus segala perbuatan yang diluar batasan norma masyarakat ketika itu. Dalam kehidupan masyarakat, semua tindakan manusia dibatasi oleh aturan (norma) untuk berbuat dan berperilaku sesuai dengan sesuatu yang dianggap baik oleh masyarakat. Namun demikian di tengah kehidupan masyarakat kadang-kadang kita mendapati tindakan-tindakan yang tidak sesuai dengan aturan (norma) masih berlaku dalam masyarakat. Dalam shot filem ini menunjukkan perilaku menyimpang yang dilakukan oleh seseorang dan beberapa warga dengan perilaku yang tidak baik iaitu menuduh dan menfitnah serta berkata kasar, padahal mereka belum tahu punca masalah yang sebenarnya, hal ini terjadi kerana adanya seorang warga yang mempunyai kekuasaan untuk mendominasi warga yang lain. Perselisihan dan perbezaan pandangan sudah merupakan sifat kehidupan dan lumrah sifat manusia. Tetapi bukan bererti seseorang boleh melakukan hal-hal yang tidak baik atau perilaku yang bisa merugikan orang lain. Dalam hal ini seharusnya dapat diselesaikan dengan cara yang baik dan dapat menguntungkan semua pihak.

Satu perkara penting di dalam proses bermujahadah dan mendapatkan hidayah daripada Allah swt ialah *uslub* atau jalan-jalan yang kita lalui semasa bermujahadah mestilah mendapat taufik atau persetujuan daripada Allah swt. Maknanya di sini, tidak semestinya orang yang bermujahadah itu akan mendapat hidayah daripada Allah swt. Inilah hikmah dan kebijaksanaan Allah

swt, kerana, kemungkinan berlaku kesilapan dalam mujahadah seseorang ataupun dia bermujahadah tidak mengikut cara yang ditunjukkan Rasulullah SAW.

Untuk melaksanakan mujahadah ini, kita perlu mengikut jalan yang betul. Sebab ramai orang yang berusaha dan bermujahadah tetapi tidak mendapat bimbingan dan hidayah daripada Allah swt. Banyak kegiatan-kegiatan dilakukan dan bermati-matian bermujahadah, tetapi tidak mendapat petunjuk daripada Allahswt. Kerana jalannya tidak betul iaitu tidak mengikut jalan yang telah dilaksanakan oleh Rasulullah SAW.

Justeru itu, dalam langkah-langkah kita bermujahadah ke arah untuk mendapat hidayah dan taqwa daripada Allah swt, hendaklah terlebih dahulu pastikan bahawa jalan-jalan yang kita lalui dalam bermujahadah ini mendapat taufik dan persetujuan daripada Allah swt. Tidak boleh kita reka-reka sendiri cara bermujahadah mengikut akal fikiran atau hawa nafsu

c) Amal kebaikan

Metod ketiga yang membentuk keperibadian insan adalah melakukan amal kebaikan secara konsisten dan berterusan. Setelah melakukan mujahadah ia perlu disusuli dengan melakukan kebaikan secara berterusan agar ia membentuk suatu kebiasaan yang akhirnya menjadi tabiat kehidupannya. Asas kepada aspek ini adalah melakukan ibadah khusus seperti solat, puasa, zakat dan haji di samping melakukan kebaikan sesama manusia, alam dan haiwan. Solat mampu menyediakan diri secara teratur dalam tempoh tertentu untuk ditunaikan. Puasa melahirkan jiwa yang luhur yang dibentuk dan dilentur sepanjang sebulan bagi menghadapi cabaran bulan-bulan seterusnya. Haji pula adalah klimaks kepada pembentukan rohani dan pengorbanan menifestasi daripada ibadah yang dilakukan secara kekal. Beliau menegaskan langkah utama dalam menggerakkan potensi ini adalah menanamkan kecintaan kepada Allah SWT dalam jiwa manusia. Dengan erti lain keghairahan untuk melakukan kebaikan adalah atas dorongan dan rangsangan kerana ingin mendapatkan keredhaan Allah SWT semata-mata. Justeru setiap insan akan sentiasa bermotivasi untuk melakukan kebaikan samada amalan zahir atau tersembunyi. Ia meyakini dan menghayati bahawa Allah SWT memiliki sifat-sifat kesempurnaan yang sentiasa mengawasi pergerakan dan perlakuan semua makhluknya.

Amal kebaikan merupakan kewajiban bagi sesama muslim sekaligus sebagai seorang mukmin. Pelaksananya diutamakan kepada orang-orang yang terdekat sesuai dengan kemampuannya. Allah menjelaskan dalam

الْمُنْفِقُونَ وَالْمُنْفِقَاتُ بَعْضُهُمْ مِّنْ بَعْضٍ يَأْمُرُونَ بِالْمُنْكَرِ وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمَعْرُوفِ وَيَقْبِضُونَ أَيْدِيَهُمْ ۗ نَسُوا اللَّهَ فَنَسِيَهُمْ ۗ إِنَّ الْمُنْفِقِينَ هُمُ الْفَاسِقُونَ

Terjemahan : Orang-orang munafik laki-laki dan perempuan. sebagian dengan sebagian yang lain adalah sama, mereka menyuruh membuat yang munkar dan melarang berbuat yang ma'ruf dan mereka menggenggamkan tangannya[648]. mereka Telah lupa kepada Allah, Maka Allah melupakan mereka. Sesungguhnya orang-orang munafik itu adalah orang-orang yang fasik.

(Surah At-Taubah
67)

Hukum mengajak kepada perkara ma'ruf dan melarang dari perbuatan munkar adalah fardhu kifayah. Ibnu Taimiyah berkata: "Kewajiban ini adalah kewajiban atas keseluruhan umat, dan ini yang oleh para ulama disebut fardhu kifayah. Apabila segolongan dari umat melaksanakannya, gugurlah kewajiban itu dari yang lain. Seluruh umat dikenai kewajiban itu, Tetapi bila segolongan umat telah ada yang melaksanakannya, maka tertunaikan kewajiban itu dari yang lain"⁴³

Dalam amar makruf dan nahi mungkar ada berapa kaedah penting dan prinsip dasar yang harus diperhatikan, jika tidak diindahkan niscaya akan menimbulkan kemungkaran yang lebih besar dan banyak: Pertama, mempertimbangkan antara maslahat dan mafsadah Ini adalah kaidah yang sangat penting dalam syari'at Islam secara umum dan dalam beramar ma'ruf dan nahi mungkar secara khusus, maksudnya ialah seseorang yang beramar makruf dan nahi mungkar ia harus memperhatikan dan mempertimbangkan antara maslahat dan mafsadat dari perbuatannya tersebut, jika maslahat yang ditimbulkan lebih besar dari mafsadatnya maka ia boleh melakukannya, tetapi jika menyebabkan kejahatan dan kemungkaran yang lebih besar maka haram ia melakukannya, sebab yang demikian itu bukanlah sesuatu yang diperintahkan oleh Allah, sekalipun kemungkaran tersebut berbentuk suatu perbuatan yang meninggalkan kewajiban dan melakukan yang haram⁴⁴

Contoh-contoh Amal Kebaikan dalam filem Dibawah Lindungan Kaabah adalah seperti berikut:

⁴³ Ibnu Taimiyah Terjemahan Akhmad Hasan , Amar Ma'ruf Nahi Mungkar (Perintah kepada kebaikan larangan dari kemungkaran), Departemen urusan Keislaman , Wakaf, Dakwah dan pengaraharan Kerajaan Arab Saudi, h.3-4

⁴⁴ Muhammad Nur Ihsan, Bagaimana cara beramar ma'ruf dan nahi munkar, Ebook di Maktabah Abu Salma al-Atsari <http://dear.to/abusalma>. h.7



Gambar 3 : Adegan dalam filem yang menggambarkan tentang amalan yang baik seperti ikatan persaudaraan.

Beberapa shot dalam film ini menampilkan makna moral positif yang ditunjukkan dalam bentuk kerja sama antar sesama dan terjalinnya rasa percaya yang biasa disebut dengan “**persahabatan**”. Persahabatan menggambarkan suatu hubungan yang melibatkan pengetahuan dan penghargaan. Sahabat sejati nilainya tiada bandingan. Dia ibarat berlian yang terbenam di dasar lumpur. Meskipun berbalut kekotoran, gemerlap sinarnya terserlah. Sahabat sejati juga menjunjung erti setiakawan, kejujuran dan bertanggungjawab. Sama bergembira di waktu senang, membimbing dan membantu sewaktu diri tergelincir dari batasan. Menurut Imam Ghazali, persahabatan itu harus dilandaskan dengan jiwa yang bersih. Malah, Rasulullah S.A.W pernah bersabda: “Tidak sempurna iman kamu jika kamu tidak mengasihi kawan lebih drp kamu mengasihi diri sendiri”. Begitulah besarnya pengertian persahabatan dalam Islam bersandarkan konsep persaudaraan.

Filem *DiBawah Lindungan Kaabah* ini menunjukkan sahabat yang sejati sanggup melakukan apa sahaja demi menjaga hubungan persahabatan antara mereka. Antara adegan yang menggambarkan tentang amalan kebaikan ini ialah antaranya adegan persahabatan, amalan menuntut ilmu, amalan memberi pendidikan kepada masyarakat yang memerlukan ilmu pengetahuan dan beberapa adegan amalan baik yang terdapat dalam filem ini.



Gambar 4 : Amal kebaikan yang dilakukan oleh masyarakat dalam filem ini.

Dalam gambar diatas menceritakan tentang masyarakat kampung dalam filem Dibawah Lindungan Kaabah menajalankan aktiviti-aktiviti yang baik dapat meningkatkan pendidikan ilmu pengetahuan dikalangan masyarakat kampung. Antara aktiviti yang dijalankan adalah menyebarkan ilmu pendidikan dimana Hamid dan kawan-kawan sedang menimba ilmu pengetahuan di sebuah pondok. Juga digambarkan dalam gambar di atas tentang aktiviti penyebaran ilmu agama oleh Hamid kepada anak-anak penduduk kampung. Gambar terakhir di atas ialah menceritakan tentang aktiviti pertandingan bahas hukum agama yang dianjurkan oleh pembesar di kampung tersebut.

d) Membuat sesuatu yang bertentangan dengan akhlaknya

Dalam metod keempat beliau telah meletakkan satu asas yang agak unik iaitu melakukan sesuatu yang bertentangan dengan akhlak yang buruk. Misalnya sifat sabar daripada sifat marah, amanah daripada khianat, syukur daripada sombong dan lain-lain lagi. Situasi ini secara psikologinya memerlukan seseorang berfikiran positif untuk mendorongnya meninggalkan sifat mazmumah yang ada pada dirinya secara bertentangan. Ini akan menjadikan seseorang itu secara bertahap cuba mengubah gaya kehidupannya ke arah nilai positif tetapi dalam kondisi yang berterusan.

Akhlak buruk seseorang secara substansi dapat dirubah menjadi akhlak yang mulia. Imam Al-Ghazali berpendapat bahwa adanya perubahan akhlak bagi seseorang adalah bersifat mungkin, misalnya dari sifat kasar kepada sifat kasihan. Dari ungkapan tersebut dapat dilihat bahwa Imam Al-Ghazali membenarkan adanya perubahan-perubahan keadaan terhadap beberapa ciptaan Allah, kecuali apa yang menjadi ketetapan Allah seperti langit dan bintang-bintang. Sedangkan pada keadaan yang lain, seperti pada diri sendiri dapat diadakan kesempurnaannya melalui jalan pendidikan. Menghilangkan nafsu dan kemarahan dari muka bumi sungguhlah tidak mungkin, namun untuk meminimalisir keduanya sungguh menjadi hal yang mungkin dengan jalan menjinakkan nafsu melalui beberapa latihan rohani⁴⁵. Lebih lanjut, jika akhlak tidak ada kemungkinan untuk berubah maka wasiat, nasehat, dan pendidikan tidak ada artinya. Dalam hal ini Imam Al-Ghazali mengutip sebuah hadits yang di riwayatkan oleh Abu Bakar bin Lal : “Baguskanlah akhlak kalian”⁴⁶.

Dari setiap kitab yang ditulis Imam al-Ghazali banyak diantaranya berhubungan dengan pelajaran akhlak dan pembentukan budi pekerti manusia. Hal tersebut memberikan petunjuk bahwa al Ghazali memberikan perhatian besar pada lapangan ilmu akhlak. Al-Ghazali dikenal sebagai pakar ilmu akhlak dan gerakan moral yang bersendikan ajaran wahyu, yakni al-Qur'an dan Sunnah. Ia menyelidiki bidang ilmu akhlak ini dengan berbagai macam metode, antara lain dengan pengamatan yang diteliti, pengalaman yang mendalam, pengujian cobaan yang matang terhadap semua manusia dalam berbagai lapisan masyarakat. Oleh karena itu, pandangan dan pikirannya mengenai konsep pendidikan akhlak sangat luas dan mendalam⁴⁷. Pendidikan akhlak dalam konsepsi al-Ghazali tidak hanya terbatas pada apa yang dikenal dengan teori menengah saja, akan tetapi meliputi sifat keutamaannya yang bersifat pribadi, akal dan amal perorangan dalam masyarakat. Atas dasar itulah, pendidikan akhlak menurut al-Ghazali memiliki tiga dimensi, yakni (1) dimensi diri, yakni orang dengan dirinya dan tuhan, (2) dimensi sosial, yakni

⁴⁵ Husein Bahreis, *Ajaran-Ajaran Akhlak*, (Surabaya: Al Ikhlas, 1991),h.41

⁴⁶ Al Ghazali, *Ihya' Ulum Ad Din*, juz III,h. 51

⁴⁷ At-Ta'dib, *Jurnal kependidikan Islam*, Volume 3 No. 1 Gontor, Shafar, p. 25

masyarakat, pemerintah dan pergaulan dengan sesamanya, dan (3) dimensi metafisik, yakni akidah dan pegangan dasar⁴⁸. Demikian tadi beberapa konsep pendidikan menurut al-Ghazali. Konsep pendidikan akhlak yang ditawarkan al-Ghazali tersebut sangatlah sesuai dengan tujuan pendidikan agama Islam pada umumnya. Tujuan pendidikan Islam mencakup ruang lingkup yang luas, yang terdiri dari beberapa dimensi: dimensi Tauhid, dimensi moral, dimensi perbedaan individu, dimensi sosial, dimensi profesional dan dimensi ruang dan waktu⁴⁹. Ada juga beberapa tokoh yang kemudian juga bersandarkan dengan konsep tujuan pendidikan AlGhazali yaitu al-Abrasyi, Asma Hasan Fahmi dan Munir Mursi⁵⁰.

Antara contoh metod ini dalam filem *DiBawah Lindungan Kaabah* ialah tentang kesabaran ibu Hamid memberi nasihat kepada anaknya tentang cabaran dan dugaan yang bakal ditempuhi oleh anaknya Hamid sekiranya hubungan yang terjalin antara Hamid dengan Zainab diteruskan. Kesabaran dan ketabahan yang ditunjukkan dalam file mini jelas terdapat dalam dialog dibawah :



⁴⁸ Ahmad Daudy, *Kuliah Filsafat Islam*, (Jakarta, Bintang Bulan: 1986), p. 35

⁴⁹ Jalaluddin, *teologi Pendidikan*, p. 93-100, lihat juga di M. Arifin, *Ilmu pendidikan Islam*, (Jakarta, Bimi Aksara: 42), p. 42

⁵⁰ Al-Abrasyi : *Pembinaan akhlak, menyiapkan anak didik untuk hidup di dunia dan akhirat, penguasaan ilmu dan ketrampilan bekerja dalam masyarakat*. Asma Hasan Fahmi : *Tujuan keagamaan, pengembangan akal serta akhlak, pengajaran kebudayaan dan tujuan pembinaan kepribadian* dan Munir Mursi : *bahagia di dunia dan akhirat, menghambakan diri kepada Allah SWT, memperkuat ikatan keIslaman dan melayani masyarakat Islam serta akhlak mulia*. Ahmad Tafsir, *Ilmu Pendidikan dalam perspektif Islam*,(Bandung, Remaja Rosdakarya: 2001), p. 49



" Hamid"- katanya, rupanya kekuatan kembali sedikit;

" Ibu hendak berbicara dengan engkau, penting sekali, nak!" " Lebih baik ibu diamkan dahulu, agaknya ibu terlalu payah."

" Tidak, Mid, kekuatan ibu dikembalikan Tuhan untuk menyampaikan bicara ini kepadamu." " Apakah yang ibu maksudkan?"

" Sebagai seorang yang telah lama hidup, ibu telah mengetahui suatu rahsia pada dirimu."

" Rahsia apa ibu?"

" Engkau cinta kepada Zainab!"

" Ah, tidak ibu, itu barang yang amat mustahil dan itulah yang sangat anakanda takuti. Anakanda tak cinta padanya dan takut akan cinta, anakanda belum kenal cinta. Anakanda tahu bahawa jika anakanda menyerahkan cinta kepadanya, takkan ubahnya seperti seorang yang mencurahkan semangkuk air tawar ke dalam lautan yang amat luas; laut tak akan berubah sifatnya kerana semangkuk air itu."

" Wahai anakku, dari susunan katamu itu telah dapat ibu membuktikan bahawa engkau sedang diserang penyakit cinta, takut akan kena cinta, itulah dia sifat

daripada cinta; cinta itulah yang telah merupakan dirinya menjadi suatu perbuatan, cinta itu kerap kali berupa putus harapan, takut, cemburu, hiba hati terkadang-kadang berani. Di hadapan ibumu yang telah lama merasai pahit dan manis kehidupan tidaklah dapat engkau sembunyikan lagi. Mataku telah kabur, tetapi hatiku masih terang-benderang."

"Anakku sekarang cintamu masih bersifat angan-angan, cinta itu kadang-kadang hanya menuruti perintah hati, bukan menurut pendapat otak. Dari belum berbahaya sebelum ia mendalam, kerap kali kalau yang kena cinta tak pandai ia merosakkan kemahuan dan kekerasan hati lelaki. Kalau engkau perturutkan tetap engkau menjadi seorang anak yang berputus asa, apa lagi kalau cinta itu tertolak, terpaksa ditolak oleh keadaan yang ada di sekelilingnya..... " Hapuskanlah perasaan itu dari hatimu, jangan timbul-timbulkan juga. Engkau tentu memikirkan juga, bahawa emas tak setara dengan loyang, sutera tak sebangsa dengan benang."

Sifat bertentangan dengan akhlak dan peribadi juga ditunjukkan oleh Hamid yang digambarkan seorang watak cukup sabar dan tabah menghadapi ujian dan dugaan dalam hidupnya. Walaupun Hamid menyimpan perasaan kasih kepada Zainab, namun Hamid cuba memenuhi permintaan ibu Zainab agar memberi nasihat kepada Zainab supaya menerima lamaran daripada Padang Halus demi untuk mentautkan kembali tali kekeluargaan yang jauh. Kesabaran itu dapat dilihat dalam dialog berikut :





" Mengapa engkau termenung, Hamid? Dapatkan engkau menolong emak, melembutkan hatinya dan memujuk ia supaya mahu? Hamid!.... emak percaya sepenuhnya kepadamu sebagai Allahyarham bapamu percaya kepada engkau!"

" Apakah yang akan dapat saya Bantu mak? Saya seorang yang lemah. Sedangkan ibunya sendiri tak dapat mematah dan melembutkan hatinya apatah lagi saya orang lain, anak semangnya."

" Jangan bercakap begitu, Hamid, engkau bukan emak pandang sebagai orang lain lagi, almarhum telah memasukkan engkau ke dalam golongan kami, walaupun beragih tetapi tak bercerai. Maka di atas namanya hari ini, di atas nama Haji Jaafar mak meminta tolong melembutkan hati adikmu."

" Oh itu namanya perintah, saya kabulkan permintaan mak."

Dialog diatas memaparkan tentang amal perbuatan yang dilakukan bertentangan dengan akhlak dan sifat semulajadinya. Dalam dialog pertama jelas menunjukkan Ibu Hamid terpaksa menceritakan hal yang sebenar kepada anaknya Hamid meskipun dia sedar apa yang diberitahu akan melukankan hati

anaknya Hamid. Sebagai seorang ibu dia harus melawan sifat penyayangannya semata-mata ingin menjaga anaknya daripada terus menanggung kekecewaan dimasa depan. Untuk itu beliau terpaksa menceritakan hal sebenar meskipun jauh disudut hatinya amat berat untuk melakukannya.

Dialog kedua pula menjelaskan situasi Hamid dimana beliau sanggup menipu dirinya sendiri semata-mata ingin menjaga hubungan dengan ibu Zainab. Walaupun berat untuk melakukan tugas yang diamanahkan kepadanya, beliau tetap melakukan juga meskipun hatinya meronta pedih kerana terpaksa berbohong kepada dirinya sendiri tentang hubungannya dengan Zainab.

Kesimpulan

Daripada pengamatan terhadap filem *Di Bawah Lindungan Kaabah* ini membuktikan bahawa ini merupakan sebuah filem Islam kerana mesej pembangunan akhlak Islamiah di dalamnya menepati mesej dan uslub di dalam al Quran dan sebagaimana dijelaskan oleh al-Ghazali. Filem ini juga boleh dijadikan bahan tontonan kepada masyarakat untuk meningkatkan motivasi dan semangat untuk menjalani kehidupan dengan lebih baik lagi. Mesej pembangunan akhlak Islamiah yang disusun dengan kemas. Mesej-mesej ini telah dieksploitasikan dan telah diolah dengan begitu baik di dalam setiap dialog yang dipamerkan oleh setiap watak di dalam filem ini. Hasilnya mesej-mesej tersebut dapat di sampai dengan begitu berkesan kepada penonton.

RUJUKAN

Achmad Warson Munawwir dan Muhammmad Fairus, *Al-Munawwir Kamus IndonesiaArab*, (Surabaya: Pustaka Progressif, 2007),

Ahmad Daudy, *Kuliah Filsafat Islam*, (Jakarta, Bintang Bulan: 1986),

Al Ghazali, *Ihya' Ulum Ad Din*, juz III

Al Qardawi Yusuf (1988), *Bayyinat al Hal al Islamiy*, Kaherah ; Maktabah Wahbah,

Al-Abrasyi : Pembinaan akhlak, menyiapkan anak didik untuk hidup di dunia dan akhirat, penguasaan ilmu dan ketrampilan bekerja dalam masyarakat. Asma Hasan Fahmi : Tujuan keagamaan, pengembangan akal serta akhlak, pengajaran kebudayaan dan tujuan pembinaan kepribadian dan Munir Mursi : bahagia di dunia dan akhirat, menghambakan diri kepada Allah SWT, memperkuat ikatan keIslaman dan melayani masyarakat Islam serta akhlak mulia. Ahmad Tafsir, *Ilmu Pendidikan dalam perspektif Islam*,(Bandung, Remaja Rosdakarya: 2001), al-Ghazali, Abu Hamid. *Ihya` 'Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Ma`rifah,1998.

al-Nadawi, Abu al-Hasan. *Rabbaniyyah La Rahbaniyyah*. Mansurah: Dar al-Kalimah, 2000.

- Al-Quran, Surah al-Qashah: Ayat 55.
- Asmaran As, Pengantar Studi Akhlak, cet. II, (Jakarta: PT. Raja Gafindo Persada, 1994),
- At-Ta'dib, Jurnal kependidikan Islam, Volume 3 No. 1 Gontor, Shafar, p. 25
- Bakry, Oemar, Akhlak Muslim, (Bandung: Angkasa, 1993)
- Hamzah Ja'cub, Etika Islam, (Jakarta: CV. Publika, 1978),
- Hawwa, Sa'id. al-Mustakhlis fi Tazkiyah al-Anfus. Dar al-Salam: Kaherah, 1988
- [https://dakwahdantarbiah.com/mujahadah/22 Mac 2019](https://dakwahdantarbiah.com/mujahadah/22%20Mac%202019)
- <https://www.hidayatullah.com/kajian/tazkiyatun-nafs/read/2011/04/05/1431/al-maruf-dan-puncak-amal-kebajikan.html>
- Husein Bahreis, Ajaran-Ajaran Akhlak, (Surabaya: Al Ikhlas, 1991),
- Ibn Maskawaih, Menuju Kesempurnaan Akhlak, terj. Helmi Hidayat, (Bandung: Mizan, 1998),
- Ibn Miskawayh w. 421/1030, al-Tusi w.672/1274, al-Dawwani w. 908/1502, Al-Ghazali (t.th), The Encyclopaedia of Islam (1960), al-Mu'jam al-Wasit (1972), Hamzah (1983), Mohd Nasir (1986), Amin (t.th), Asmara (1992), Tajul Ariffin (1997), Ab. Halim (20 Jalaluddin, teologi Pendidikan, p. 93-100, lihat juga di M. Arifin, Ilmu pendidikan Islam, (Jakarta, Bimi Aksara: 42),
- Ibnu Taimiyyah Terjemahan Akhmad Hasan , Amar Ma'ruf Nahi Mungkar (Perintah kepada kebaikan larangan dari kemungkar), Departemen urusan Keislaman , Wakaf , Dakwah dan pengarahan Kerajaan Arab Saudi,
- Masyuri. Prinsip-prinsip Tazkiyah al-Nafs dalam Islam dan Hubungannya dengan Kesehatan Mental. Jurnal Pemikiran Islam(2012) 37,2: 95-102
- Mohd Nasir Ripin dan Zulkiflee Haran (2005). "Konsep Tamadun Islam" dalam Tamadun Islam dan Tamadun Asia. Skudai, Johar: Pusat Pengajian Islam dan Pembangunan Sosial Universiti Teknologi Malaysia
- Muhammad Jamaludin Alqasimi Addimasyqi, Bimbingan Untuk Mencapai Tingkat Mu'min, (Bandung: CV. Diponegoro, 1988),
- Muhammad Khayr Fatimah. Manhaj al-Islam fi Tazkiyah al-Nafs. Beirut: Dar al-Khayr, 2003.
- Muhammad Nur Ihsan, Bagaimana cara beramar ma'ruf dan nahi munkar, Ebook di Maktabah Abu Salma al-Atsari <http://dear.to/abusalma>.
- Muhammad Qutb (1989), Jadda' M. Walid, Al Mawqif Min sinema islamiyyah, Cairo : dar al Wafa' Li al Tiba'ah Wa al Nasyr Wa al Tawzi',

- Muhammad Yusuf Qardhawi (1983), *Islam Dakwah yang Syumul* (terj. Mohd Rivai Batubara). ABIM : Angkatan belia Islam Malaysia, <http://www.muslimdiary.com/downloads/islam%20da'wah%20yg%20syumul.pdf>. Di ambil 6 Jan 2014
- Mursidin, *Akhlaq Mulia Berbasis Pendidikan Agama Islam, Penguatan Pendidikan Karakter dan Budi Pekerti di Sekolah, Madrasah, dan Keluarga*, (Bandung: Insan Mandiri, 2012)
- Norfadilah Abdul Rahman dan Zakaria Stapa. (2014). *Pembangunan kerohanian berasaskan al-Muhasibi dalam menangani gejala sosial masa kini*. Kertas kerja yang dibentangkan di International Conference on World Conference of Integration Knowledge (WCIK2014) pada 15 –16 September 2014 di Bandung, Indonesia
- Salasiah Hanin Hamjah. (2016). *Pendekatan Kaunseling Spiritual Menurut Al-Ghazali*. Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka
- Sheikh Othman bin Sheikh Salim (ed.) (1992). *Kamus Dewan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Syaltout, Mahmoud, *Al-Islam 'Aqidah wa Syari'ah*, terj. Bustami A Gani, *Islam sebagai 'Aqidah dan Syari'ah*, Jilid IV, (Jakarta: Bulan Bintang, 1970)
- Wan Yusnee Binti Abdullah¹, Hajar bin Opir, Siti Amalina binti Ahmad Khairudin, *Model Pembangunan Akhlak Oleh Intelektual Islam*, National Pre University Seminar 2017 (NpreUS2017) RHR Hotel, 23 Ogos 2017, Universiti Selangor (UNISEL)
- Ya'qub, Hamzah, *Etika Islam, Pembinaan Akhlaqul Karimah*, (Bandung: Diponegoro, 1985)
- Yalawae, Asming (2007), "Akhlaq Warisan Rasulullah SAW Membawa Kemuliaan Umat", *Jurnal Usuluddin*, bil. 26, Kuala Lumpur ; Bahagian Pengajian Usuluddin, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Zakaria Stapa. (1999). *Akidah dan Akhlak dalam kehidupan Muslim*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Zaydan, Abd Karim (1980), *Dasr-dasar Ilmu Dakwah* (terj. Asywadi Syukur). Jakarta ; Media Dakwah